

25 pertuduhan 1MDB, sedar penyelewengan, boleh kena denda RM11 bilion

Najib bersalah atas semua pertuduhan

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Selepas hampir lapan tahun didakwa atas 25 pertuduhan berkait penyelewengan dana syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB), semalam, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Na-

jib Razak didapati bersalah atas semua tuduhan tersebut.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah memutuskan demikian selepas mendapati pembelaan bekas Presiden UMNO itu gagal menimbulkan keraguan munasabah mahupun mematahkan segala bukti yang dikemukakan oleh pendakwa.

Hakim Sequerah mendengar kes tersebut sebagai Hakim Mahkamah Tinggi mula membaca penghakimannya sekitar pukul 9.30 pagi sebelum berhenti untuk 10 minit sekitar pukul 11.50 pagi dan menyambung bacaan penghakiman sehingga pukul 12.15 tengah hari bagi memberi laluan kepada solat Jumaat.

Hakim Sequerah membaea semua penghakimannya pada pukul 3 petang sebelum tamat pukul 5 petang. Selepas berehat kira-kira 40 minit, mahkamah mula mendetigar hujahan pihak-pihak terlibat berhubung hukuman.

Bersambung di muka 2